



Walaupun mereka bukan penulis asal maklumat atau berita berkenaan dan hanya sekadar berkongsi dan menyebarkan kepada pengguna media sosial lain, pendakwaan boleh dilakukan jika ada bukti yang kukuh dan sah"

Zulkarnain Mohd Yasin,
Ketua Pegawai Sektor Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan SKMM



Kesan perbuatan itu bukan saja akan menjadi fitnah dan hasutan, malah boleh menyebabkan subjek berkenaan mengalami tekanan, kemurungan sehingga akhirnya memilih untuk membunuh diri"

Ahmad Izhom Omar,
Pengerusi Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia



Sekiranya kita tahu seseorang itu suka menipu, tidak jujur, maka prinsip untuk melakukan tabayyun atau membuat semakan itu penting. Ia tidak hanya terpakai kepada seorang yang fasik saja, sebaliknya untuk semua agar kita melakukan semakan terlebih dulu sesuatu maklumat yang diterima"

Mohammad Nizam Abdul Kadir,
Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, UPM



Moderator Bicara BH, Basir Zahrom (kiri) bersama Zulkarnain (dua dari kiri), Ahmad Izhom dan Mohammad Nizam pada Majlis Bicara BH, di Balai Berita, Bangsar, semalam.

SEBAR BERITA PALSU MENERUSI MEDIA SOSIAL

40 disiasat, 4 didakwa tahun lalu

→ SKMM boleh kesan dalam 24 jam jika terima aduan lengkap



Oleh Norhafzan Jaafar, Wan Noor Hayati Wan Alias dan Mohd Aizat Shamsuddin
bhnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mampu mengesan terhadap mana-mana individu yang menyebarkan berita palsu dalam tempoh kurang 24 jam selepas kesalahan itu dilakukan menerusi media sosial.

Tindakan sepiantas itu akan diambil pihak berkuasa berkenaan jika menerima aduan lengkap berkaitan kesalahan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, termasuk berkongsi dan menyebarkan berita palsu.

Ketua Pegawai Sektor Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan SKMM, Zulkarnain Mohd Yasin, berkata lebih 40 individu sudah disiasat mengikut akta berkenaan sepanjang tahun lalu, manakala empat lagi didakwa.

Katanya, kecenderungan berkongsi maklumat peribadi lengkap seperti nombor telefon, tempat tinggal, nombor pendaftaran kenderaan dan maklumat ahli keluarga secara terbuka di media sosial, memudahkan siasatan SKMM terhadap penyebar berita palsu.

"Kebanyakan mereka tidak tahu dari mana sumber sebenar berita atau maklumat yang mereka peroleh, tetapi terus menyebarkannya kepada kumpulan lain, sama ada menerusi aplikasi WhatsApp atau Facebook.

"Walaupun mereka bukan penulis asal maklumat atau berita berkenaan dan hanya sekadar berkongsi dan menyebarkan kepada pengguna media sosial lain, pendakwaan boleh dilakukan jika ada bukti yang kukuh dan sah," katanya.

Kesan kongsi berita palsu

Terdahulu beliau menjadi ahli panel pada Forum Bicara BH siri kedua yang mengupas isu berkaitan kesan perkongsian maklumat dan berita palsu di Balai Berita di sini, semalam.

Yang turut menjadi ahli panel adalah Pengerusi Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), Datuk Ahmad Izhom Omar dan Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Nizam Abdul Kadir.

Forum bertajuk "Tidak Pasti Jangan Kongsi?" itu adalah anjuran BH dengan kerjasama SKMM bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesan perkongsian maklumat palsu terhadap ekonomi,

keselamatan dan keamanan negara selain menjejaskan reputasi individu.

BH mengambil inisiatif menganjurkan program berkenaan sebagai platform untuk memupuk budaya perkongsian ilmu dan memainkan peranan dalam menyediakan kandungan berbentuk intelektual, informatif dan terkini.

Zulkarnain berkata, malang sekali apabila kebanyakan mereka yang didakwa adalah individu biasa yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam menyebarkan berita palsu berkenaan sebaliknya hanya mahu berkongsi maklumat dengan rakan lain.

"Dalang sebenar yang mempunyai agenda tersendiri ada yang melarikan diri ke luar negara dan mendapat suaka politik di negara itu. Malah, mereka juga tidak berkongsi maklumat peribadi secara terbuka di media sosial seperti kebanyakan orang biasa yang memudahkan pihak berkuasa mengambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, selain ditahan untuk soal siasat, pihak berkuasa juga akan turut merampas alat komunikasi yang digunakan dalam penyebaran berita palsu dengan mereka yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara setahun.

(FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH)



Pengarang Eksekutif Kanan, Integrasi NSTP, Saidon Idris (kiri), Pengarang Eksekutif, Integrasi NSTP, Thilnadan Muniandy (kanan) dan Pengarang Bersekutu, Gaya Hidup dan Hal Ehuwal Semasa BH, Azhar Abu Samah (tengah) antara tetamu pada Bicara BH.



Sesi soal jawab bersama ahli panel dan tetamu.



Antara orang ramai yang menyertai Bicara BH, semalam.